



Nestle Good food, Good life

Siaran Akhbar

Petaling Jaya, 21 Mac 2024

MAGGI® Menyokong Komuniti Sempena Ramadan dan Raya dengan Pengagihan Lebih daripada 200,000 Bubur Lambuk di Seluruh Negara

Bertemakan 'Jiwa Ramadan dan Raya', MAGGI® juga memberi sumbangan dan bekerjasama dengan para tukang masak komuniti untuk memberi makanan kepada komuniti yang memerlukan

PETALING JAYA, 21 MAC 2024 - Sempena bulan Ramadan yang mulia ini, MAGGI® Malaysia mengukuhkan lagi komitmen kemasyarakatannya melalui beberapa siri inisiatif yang bertujuan meringankan beban masyarakat.

Sejak tahun 2005, MAGGI® telah meneruskan tradisi mengagihkan Bubur Lambuk kepada komuniti-komuniti sempena bulan Ramadan. Tahun ini, MAGGI® merancang untuk mengagihkan lebih daripada 200,000 mangkuk Bubur Lambuk di lebih daripada 280 lokasi di seluruh negara. Selain itu, MAGGI® juga bekerjasama dan memperkasakan para tukang masak komuniti supaya dapat memberi makanan kepada lebih ramai orang dengan menawarkan produk dan bahan masakan MAGGI® untuk menyediakan Bubur Lambuk di flat Program Perumahan Rakyat (PPR) di seluruh negara, rumah anak yatim dan pusat-pusat komuniti.

Bagi merasmikan permulaan pengagihan Bubur Lambuk, MAGGI® menganjurkan majlis pelancaran bersama dengan pengurus dan para tukang masak PPR Desa Rejang. Sejumlah 5,000 mangkuk Bubur Lambuk diagihkan kepada para penduduk Desa Rejang, yang secara langsung mencerminkan semangat gotong-royong dan nilai kebersamaan yang dipegang teguh oleh MAGGI®.

"Sambil mengagihkan Bubur Lambuk untuk menyokong ribuan rakyat Malaysia sempena bulan Ramadan, kami juga meraikan tukang masak komuniti yang berpenat lelah memasak untuk masyarakat di kawasan PPR mereka dan sekitarnya. Dedikasi mereka memberi inspirasi kepada kami di MAGGI® untuk meluaskan lagi kebaikan yang dilakukan terhadap komuniti mereka. Ini mengukuhkan lagi misi kami untuk memupuk semangat kebersamaan di kalangan rakyat Malaysia dengan menyokong tukang masak komuniti melalui penghargaan kami dan perkongsian kisah mereka kepada rakyat untuk meraikan 'Jiwa Ramadan' yang sebenar," kata Cik Ivy Tan Link Cheh, Pegawai Eksekutif Perniagaan, MAGGI®.

Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada kempen menyeluruh MAGGI® untuk meraikan "Jiwa Ramadan dan Raya" iaitu para tukang masak yang menyediakan hidangan berkhasiat dengan sepenuh hati untuk berbuka puasa pada bulan Ramadan serta

sambutan Hari Raya Aidilfitri. Melalui siri video yang penuh inspirasi, MAGGI® menghormati dan menghargai wira yang tidak didendang ini di sebalik setiap hidangan, sekaligus meraikan pelbagai kisah mereka.

"Dengan perayaan yang bakal tiba, kami mengenang para wira tidak didendang iaitu tukang masak yang telah bertungkus lumus di sebalik setiap jamuan perayaan. Pastinya terdapat gerangan istimewa dalam setiap keluarga dan komuniti, di mana sajian yang disediakan mengingatkan anda kepada mereka. Ini kerana setiap suapan mencerminkan kegembiraan yang mereka peroleh dengan berbakti kepada keluarga dan masyarakat. Di MAGGI®, kami ingin menghargai dan mengiktiraf dedikasi mereka dengan berkongsi kisah-kisah dan menyokong usaha mereka untuk mencipta detik-detik makanan yang menggembirakan dan meneruskan resipi turun-temurun kegemaran keluarga mereka," kata Cik Tan.

Jadikan MAGGI® teman setia di dapur dan kayakan pengalaman perayaan anda, baik di dapur maupun di luar. Layari [laman web](#) MAGGI® "Dikaulah Jiwa Ramadan dan Raya" untuk maklumat lanjut tentang hadiah menarik dan resipi kreatif untuk inspirasi memasak anda.

—

Tentang MAGGI®

MAGGI® adalah jenama global yang diiktiraf dan telah menjadi nama unggul di Malaysia. Misi utamanya adalah untuk mencipta makanan yang baik dan membawa keluarga lebih dekat bersama. Melalui pelbagai produk dan penyelesaian makanan, MAGGI® membantu ibu-ibu untuk menyediakan hidangan buatan sendiri yang lazat dan seimbang untuk keluarga setiap hari. Jenama ini juga komited kepada keperluan yang sentiasa penyediaan makanan, disamping menyediakan produk dan idea baharu yang menarik dan memberi inspirasi kepada keluarga Malaysia tentang kebaikan buatan sendiri. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.maggi.my atau halaman Facebook di <http://www.facebook.com/MaggiMalaysia>.

Tentang Nestlé Malaysia

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Dengan lokasi ibu pejabat di Switzerland, Nestlé berada di lebih daripada 180 negara di seluruh dunia, dan 270,000 pekerja kami komited kepada tujuan Nestlé untuk membuka kuasa makanan bagi meningkatkan kualiti hidup setiap orang pada hari ini dan generasi akan datang. Prestasi kami didorong oleh strategi Pemakanan, Kesihatan, dan Kesejahteraan. Menyediakan makan kepada rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah mendapat kepercayaan pengguna melalui jenama dan produk berkualiti kami. Kami komited untuk meningkatkan kehidupan komuniti di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan integriti Halal kami.

Ini selari dengan janji kami untuk memberikan GOOD FOOD, GOOD LIFE buat semua. Untuk maklumat lanjut mengenai bagaimana kami berjaya memberi makan kepada rakyat Malaysia lebih daripada satu abad, sila layari www.nestle.com.my atau halaman Facebook kami di <http://www.facebook.com/Nestle.Malaysia>.

Untuk maklumat lanjut, sila menghubungi:

Shaheen Zaffar
Nestlé (Malaysia) Berhad

Shahida Irawan
acorn communications

Tel: +603 7965 6456
Mobile: +6012 235 6865
E-mail: Shaheen.Mohamedzaffar@my.nestle.com

Tel: +603 7958 8348
Mobile: +6019 688 7204
E-mail: acorncommunications@acornco.com.my